

# PM adakan pertemuan dengan rakan sejawat

**Datuk** Seri Anwar Ibrahim semalam mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatnya, Li Qiang, di Dewan Besar Rakyat, di sini.

Ini pertemuan rasmi pertama kali Perdana Menteri ke atas Qiang selepas menerajui Kerajaan Perpaduan sejak November tahun lalu.

Ketibaan Perdana Menteri disambut menerusi satu upacara rasmi, dimulai dengan masing-masing memperkenalkan barisan menteri serta delegasi.

Anwar diiringi Qiang kemudian memeriksa perbarisan kawalan kehormat sebelum kedua-dua menuju ke bilik mesyuarat bagi meneruskan pertemuan dua hala.

Anwar dan Qiang kemudian menyaksikan majlis menandatangani tiga memorandum persefahaman (MoU) antara kera-

jaan Malaysia dan China.

Tiga MoU yang dimeterai membabitkan protokol untuk meminda perjanjian bagi memperluas dan memperdalam kerjasama ekonomi dan perdagangan antara kerajaan Malaysia dan China, membabitkan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dari Malaysia dan Kementerian Perdagangan dari China.

Selain itu, protokol keperluan fitosanitasi untuk pengeksporan nangka ke China membabitkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dari Malaysia (MAFS) dan Jabatan Pentadbiran Am Kastam China (GACC) turut dimeterai.


Serta protokol terakhir ditan-datangani berkait keperluan kuarantin dan kesihatan untuk import makanan akuakultur dari Malaysia ke China melibat-

kan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dari Malaysia (MAFS).

Selesai menyaksikan MoU itu, Anwar dan delegasi menghadiri majlis berbuka puasa dihoskan Qiang bertempat di Dewan Besar Rakyat.

Bersama dalam delegasi Anwar, Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Senator Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz dan Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook.

Selain itu, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming; Menteri Pelancongan dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Chang Lih Kang serta Ahli Parlimen Ayer Hitam yang juga Presiden MCA, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong.



Anwar ketika pertemuan dengan Qiang di Dewan Besar Rakyat di Beijing, semalam. (Foto PMO)